



BAHANA ARAK

(11 Zulkaedah 1441H/ 3 Julai 2020M)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ
الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ
وَمَنْفَعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا ۖ ...

﴿البقرة : 219﴾



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Marilah kita bertakwa dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Amatlah malang dan rugi sekali jika setiap kali khutbah Jumaat kita diperdengarkan dengan peringatan takwa, namun diri kita masih berterusan melakukan dosa dan maksiat. Pada saat yang penuh berkat ini, marilah sama-sama kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **Bahana Arak.**

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Meminum arak merupakan antara dosa besar yang menjadi penyakit sebahagian dari masyarakat yang mengingkari perintah Allah SWT. Permasalahan ini telah pun wujud sejak dahulu lagi dan membawa lebih banyak mudharat dari manfaat kepada manusia.

Maqasid as-Syariah mewajibkan umat Islam supaya memelihara akal, harta, nyawa, maruah dan keturunan. Daripada sudut pandangan kesihatan pula, amalan meminum arak akan merosakkan akal fikiran dan menyebabkan ketagihan. Ia juga merosakkan institusi kekeluargaan sehingga menimbulkan



pergaduhan, kecurian, gejala rogol, bahkan membunuh akibat berada di bawah pengaruh arak. Perkara ini jelas bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Uthman RA:

اجْتَنِبُوا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا أُمُّ الْخَبَائِثِ

Maksudnya: *“Hendaklah kamu menjauhi arak kerana ia punca segala kejahatan dan kerosakan”*. (Riwayat an-Nasa’i)

Dalam Islam semua perkara yang memabukkan adalah haram, seperti air ketum, dadah, hidu gam dan seumpamanya. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: *“Semua yang memabukkan adalah haram”*. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Seringkali kita mendengar kes-kes yang melibatkan kemalangan jalanraya disebabkan pemandu yang mabuk. Bahkan ada dalam kalangan mereka yang tidak



berdosa menjadi mangsa akibat kecuaiannya mereka yang memandu dalam keadaan mabuk dan berbahaya.

Oleh kerana bahayanya arak terhadap pemandu di jalan raya, terdapat beberapa buah negara yang menguatkuasakan undang-undang yang berat termasuk hukuman bunuh kepada pemandu mabuk yang terlibat dalam kemalangan sehingga menyebabkan kematian. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 21 kes kemalangan membabitkan pemandu mabuk sepanjang lima bulan pertama tahun ini dengan lapan mangsa kehilangan nyawa.

Sidang Jumaat Yang Diberkati Allah,

Mengakhiri khutbah, kita yakin bahaya arak bukan sahaja merosakkan akal peminum bahkan membahayakan nyawa orang lain. Arak juga meruntuhkan institusi kekeluargaan dan menghakis nilai-nilai kemanusiaan pada diri manusia itu sendiri. Lantaran, mimbar menyeru semua masyarakat untuk meninggalkan arak dan pihak berkuasa perlu mencari jalan penyelesaian ke arah membanteras arak sehingga ke akar umbi.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ
وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”. (al-Maidah: 90)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua
(Bulan JULAI 2020)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنُسْتَهْدِيهِ
وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ
يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri, supaya bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Pada saat yang penuh barakah ini, marilah kita berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagai melaksanakan perintah Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِي
اَلْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَرِنَا
الْحَقَّ حَقًّا وَاَرْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ وَاَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا
وَاَرْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِيْنَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ
عَلَى مَلِكِنَا، كباوه دولي يڭ مها موليا سري قادوك
باكيندا يڭ دڤرتوان اڭوڭ ك-انم بلس، اَلسُّلْطَانُ
عَبْدُ اللهِ رِعَايَةُ الدِّينِ اَلْمُصْطَفَى بِاللّٰهِ شَاهِ ابْنِ
الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدُ شَاهِ اَلْمُسْتَعِيْنِ بِاللّٰهِ،
وكذلك مولانا توان يڭ تراوتاما تون داتوء سري
اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عباس، يڭ
دڤرتوا نكري قولاو فينڭ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِيَكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.